

# Program Santai Siswa UMS Bersama Menteri Pengajian Tinggi

Lawatan Santai Menteri Pengajian Tinggi Malaysia oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled Bin Nordin ke Universiti Malaysia Sabah pada 17 September 2012 yang lalu telah menyuntik semangat kepada pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sabah khususnya pelajar baharu yang baru sahaja selesai mengikuti Minggu Suai Mesra bagi ambilan September 2012. Lawatan santai tidak rasmi tersebut diadakan di dewan kafeteria Kolej Kediaman CD bermula jam 9 pagi dan telah dihadiri oleh kira-kira seramai 300 orang pelajar dan YB Dato' sempat menikmati sarapan bersama pelajar yang pada ketika itu berada di kafeteria kolej untuk tujuan yang sama.

Lawatan tersebut adalah bertujuan untuk mengenalpasti permasalahan pelajar serta keperluan yang diperlukan oleh pelajar pada masa kini di samping merapatkan hubungan antara pelajar dengan pihak pengurusan tertinggi universiti dan kementerian.

